



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 15 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AGROBANK SERAH STTP KEPADA IADA, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	AGROBANK
2.	JUALAN USAHAWAN AUM MELAKA NAIK LEBIH 65 PERATUS KEPADA RM5.5 JUTA, NEGARA, KOSMO, M/S – 5	
3.	PADI FARMING INCENTIVE, DIESEL CASH AID BOOSTED, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 3	LAIN - LAIN
4.	GOVT TO BEEF UP PADI, DIESEL AID, NATION, THE STAR, M/S – 2	
5.	KERAJAAN NAIKKAN BANTUAN DIESEL, INSENTIF UNTUK PESAWAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 3	
6.	BANTUAN BUDI AGRI-KOMODITI, BUDI DIESEL NAIK KEPADA RM400, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 3	
7.	CUACA PANAS JEJAS EKSPORT RM1 BILION DURIAN KE CHINA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
8.	SIJIL HALAL MERAGUKAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2026	HARIAN METRO	BISNES	27

## Agrobank serah STTP kepada IADA

**Kuala Lumpur:** Agrobank terus memperkukuh komitmennya dalam menjaga kebajikan komuniti agromakanan menerusi penyerahan manfaat Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) kepada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Inisiatif itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan institusi perbankan itu untuk menyediakan jaringan keselamatan kewangan yang lebih kukuh kepada golongan pesawah dan petani tempatan di seluruh negara.

Sejak diperkenalkan pada September 2024, STTP dirangka khusus memberi bantuan kewangan kepada pesawah berdaftar yang berdepan kerosakan atau kerugian kekal tanaman akibat bencana alam serta serangan makhluk perosak.

Pegawai Utama Agro



MAJLIS penyerahan manfaat STTP yang disampaikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Captive Takaful Limited (ACTL), Mohd Nor Zamry Mohd Jony berkata, skim menawarkan perlindungan sehingga RM3,000 sehektar bagi setiap musim penanaman sekira berlaku kerugian akibat bencana alam tidak dijangka.

“Bagi kerugian disebabkan serangan makhluk perosak dan penyakit tana-

man pula, perlindungan yang disediakan adalah sehingga RM1,500 sehektar bagi setiap musim,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pelaksanaan skim itu menunjukkan perkembangan yang sangat positif khususnya di daerah Sri Aman, Sarawak yang melibatkan tiga Pertubuhan Peladang Kawa-

san (PPK) iaitu Batang Lupa, Engkilili/Lubok Antu dan Pantu.

Setakat ini, seramai 2,663 pesawah di wilayah berkenaan telah membuka akaun Agrobank, manakala 62 petani telah menerima pampasan di bawah skim tersebut dengan nilai keseluruhan mencecah RM48,363.

# Jualan usahawan AUM Melaka naik lebih 65 peratus kepada RM5.5 juta

Oleh DIYANATUL ATIQAH  
ZAKARYA

**MELAKA** – Program Agrobank Upward Migration (AUM) terus membuktikan keberkesanannya dalam memperkasa usahawan tempatan apabila peserta di negeri ini berjaya mencatat jualan melebihi RM5.5 juta setahun.

Melalui pelaksanaan AUM di Melaka, seramai 30 usahawan telah dibimbing, dengan 20 syarikat mencatat peningkatan hasil jualan sebanyak 65.52 peratus untuk mencecah jumlah terkumpul RM5,537,084.

Selain itu, lima syarikat berjaya memperoleh pembiayaan tambahan berjumlah RM310,000 bagi memperkukuh kedudukan kewangan serta kapasiti perniagaan.

Program AUM yang diketendalikan oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) merupakan inisiatif pembangunan usahawan selama 12 bulan yang menggabungkan latihan berstruktur serta bimbingan secara langsung di premis perniagaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, AUM memainkan peranan penting dalam membantu usahawan mengembangkan potensi per-



**TENGGU AHMAD BADLI SHAH (belakang, lima dari kanan) bergambar bersama peserta AUM Melaka pada Majlis Aspirasi Kecemerlangan Agrobank di Ayer Keroh, kelmarin.**

meningkat kepada 3,000 hingga 4,000 biji.

"Namun selepas menerima pembiayaan Agrobank RM100,000 pada 2025, kapasiti pengeluaran melonjak kepada 8,000 biji sehari, malah boleh mencecah sehingga 10,000 biji dan berganda pada hujung minggu," katanya.

Tambahnya, bantuan itu membolehkan mereka menambah mesin, menggaji 15 pekerja serta memiliki premis sendiri di Taman Pengkalan Impian, Ayer Molek sekali gus memperkukuh operasi perniagaan.

Sementara itu, seorang lagi peserta, Siti Mas Ayu Md. Jani, 37, selaku pemilik Legasi Satay Ayu berkata, dia memulakan perniagaan sate secara kecil-kecilan sejak 10 tahun lalu sebelum berkembang secara berperingkat.

"Selepas menerima pembiayaan Agrobank sebanyak RM50,000 pada awal 2025, saya dan suami membina bengkel sendiri berhamiran rumah di Nyalas, Jasin dan kini mampu memenuhi tempahan sehingga 10,000 cucuk sehari.

"Peningkatan kapasiti membolehkan saya menerima tempahan dalam jumlah besar termasuk bagi majlis dan pembekalan ke beberapa negeri seperti Negeri Sembilan dan Pahang," ujarnya.

ian terbaik dalam pelbagai kategori termasuk peningkatan jualan, pengembangan perniagaan, penciptaan pekerjaan serta penambahan kapasiti.

Antara penerima anugerah yang sempat berkongsi kisah kejayaan mereka ialah Izzati Hamidah Shari, 28, iaitu pemilik Keria Bangsawan.

"Pada peringkat awal saya dan suami, Muhammad Amir Adam, 28, hanya berniaga kecil-kecilan di tepi jalan dengan pengeluaran sekitar 300 biji keria sehari, sebelum

daya saling dan mampan.

"Selain bantuan kewangan, modul bimbingan yang ditawarkan merangkumi aspek pengurusan kewangan, pemasaran digital dan amalan pengurusan perniagaan berstandard korporat," katanya pada Majlis Aspirasi Kecemerlangan Usahawan Agrobank 2026 di MITC Hotel, Ayer Keroh kelmarin.

Dalam majlis berkenaan, Agrobank turut mengiktiraf lima syarikat yang mencatat pencapai-

niagaan ke tahap lebih tinggi.

Menurutnya, melalui bimbingan dan sokongan berterusan, usahawan bukan sahaja mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran, malah berupaya menghasilkan inovasi baharu yang memberi nilai tambah kepada produk sedia ada.

"Kisah kejayaan seperti ini membuktikan bahawa dengan usaha gigih serta sokongan yang tepat, usahawan tempatan mampu berkembang daripada operasi kecil kepada perniagaan yang lebih ber-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	3

RM300 AND RM400

## Padi farming incentive, diesel cash aid boosted

**KUALA LUMPUR:** The government has increased aid for padi farmers and diesel users to ease rising cost pressures.

The Ploughing Incentive Rate for Farmers (IPKP) for the 2026 planting season was almost doubled to RM300 per hectare from RM160, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday.

He said the increase involved an additional allocation of about RM40 million and was expected to benefit nearly 200,000 padi farmers, some of whom will begin the planting cycle this month.

The monthly aid under the Budi Agri-Komoditi and Budi Madani Diesel (Budi Diesel) schemes would be increased from RM300 to RM400 this month. Payment will be disbursed on April 21.

He said the government recognised the direct impact of rising costs on the people and moved swiftly to boost targeted support.

"The Madani government's priority is clear: ensure the security of supply of essential goods for the people, following the sharp rise in fuel prices and global supply chain disruptions."

He said the latest measures involved additional spending to support food producers and maintain food supply stability.

For the IPKP, the government previously introduced additional support through a harvesting incentive of RM50 per hectare per season to help ease input costs.

The Budi Agri-Komoditi scheme is expected to benefit more than 200,000 farmers and smallholders, while the Budi Diesel scheme will support 150,000 diesel vehicle owners in Peninsular Malaysia.

The additional allocations will cost RM20 million and RM15 million per month, respectively.

The Finance Ministry is expected to shoulder RM7 billion in subsidies this month, including an additional RM75 million for diesel assistance.

The government had agreed to relax diesel purchasing requirements for non-vehicle use, allowing owners of agricultural machinery to buy more than 20 litres without a special permit.

The National Economic Action Council is monitoring developments in the Middle East and their impact on Malaysia.

# Govt to beef up padi, diesel aid

## Targeted assistance to cushion impact from global energy market pressures

**PETALING JAYA:** Additional assistance, including higher cash support for diesel users in the agricultural sector and private individuals, will be provided to offset rising fuel costs, says the Finance Ministry.

It said the government is taking immediate steps to enhance assistance to diesel users to ease their burden while ensuring economic activities continued smoothly.

The ministry said these improvements were in response to ongoing pressures in the global energy market, especially disruptions in international petroleum supply, which have caused refined diesel prices to rise significantly to as high as US\$250 (RM987.75) per barrel.

farmers, agricultural workers, smallholders and eligible individual diesel vehicle owners.

For padi farmers, the ministry disclosed that the Padi Cultivation Incentive for the 2026 planting season was increased from RM160 to RM300 per hectare.

"This increase involves additional funding of approximately RM40ml and is expected to benefit nearly 200,000 padi farmers, with some to begin planting this month.

"As additional support last year, the Madani government also introduced a harvesting incentive of RM50 per hectare per season to help ease rising input costs," it said.

For diesel vehicle users, cash

assistance has been increased to RM400 per month for April, with it to be distributed on April 21. This encompasses both the Budi Agri-Komoditi and Budi Diesel Individu assistance.

"This marks the second increase in aid following the crisis.

"The Budi Agri-Komoditi is expected to benefit more than 200,000 farmers and smallholders, with additional funding of about RM20ml per month.

"The Budi Diesel Individu is expected to benefit about 150,000 individual diesel vehicle owners in Peninsular Malaysia, with additional funding of about RM15ml per month," it said.

The ministry said a total of RM7bil in subsidies was expected

to be borne by the government for the month, which includes an additional RM75ml in assistance initiatives aimed at supporting diesel users amid rising global fuel prices.

"In addition, the government has agreed to facilitate diesel purchases for non-vehicle use.

"The requirement for a special permit for purchases exceeding 20 litres will be relaxed.

"The Madani government, through the National Economic Action Council, will continue to monitor developments in the Middle East and its impact on Malaysia and stands ready to take appropriate measures to assist affected groups and stabilise the economy," it added.



"This is nearly three times higher than before the start of the Middle East conflict," it said in a statement yesterday.

The ministry said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has emphasised that the government understood the direct impact of rising costs to the people with swift action taken to enhance targeted assistance, mainly to padi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

BUDI Agri-Komoditi, Budi Diesel individu, insentif IPKP ditambah

# Kerajaan naikkan bantuan diesel, insentif untuk pesawah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI  
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan mengumumkan langkah tambahan bagi meringan beban rakyat termasuk menaikkan bantuan kepada pengguna diesel di samping menambah insentif membajak sawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia memabatkan tiga ikhtiar iaitu BUDI Agri-Komoditi, BUDI Diesel Individu dan Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP).

Katanya, ia memabatkan kos keseluruhan RM75 juta dengan IPKP diberikan tambahan dana sekitar RM40 juta bagi musim penanaman 2026 yang bakal me-

manfaatkan 200,000 pesawah yang sebahagiannya akan memulakan penanaman padi pada bulan ini.

"Ini adalah sebagai bantuan tambahan, (kerana) tahun lalu juga, kerajaan memperkenalkan Insentif Penuaian sebanyak RM50 untuk sehektar semusim bagi meringankan beban kenaikan kos input," katanya dalam kenyataan semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bantuan tunai diesel ditingkatkan bagi Bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi dan BUDI Diesel Individu daripada RM300 kepada RM400 sebulan yang akan disalurkan pada 21 April ini iaitu kali kedua dinaikkan susulan krisis tenaga disebabkan konflik di Asia Barat.

BUDI Agri-Komoditi dijang-

ka memanfaatkan lebih 200,000 petani dan pekebun kecil dengan dana tambahan sekitar RM20 juta sebulan.

Manakala BUDI Diesel Individu dijangka memanfaatkan sekitar 150,000 pemilik kenderaan diesel individu di Semenanjung Malaysia, dengan dana tambahan sekitar RM15 juta sebulan.

Selain itu, kerajaan juga ber-setuju untuk memudah cara pembelian diesel bagi kegunaan selain kenderaan dengan syarat keperluan permit khas bagi pembelian melebihi 20 liter akan dilonggarkan.

Jelasnya, pemilik mesin atau jentera pertanian dibenarkan membeli diesel melebihi had tersebut dengan mengemukakan pendaftaran jentera.

Katanya, kerajaan akan memperincikan garis panduan pelaksanaan dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kerajaan sentiasa meneliti langkah-langkah perlu bagi membantu meringankan kesukaran yang dihadapi oleh komuniti perniagaan.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu mengambil kira kekangan yang dihadapi kerajaan ketika ini memandangkan Malaysia bukan seperti sesetengah negara kaya yang mempunyai lebihan tunai yang besar.

"Kita masih mempunyai hutang (*debt to service*) sebanyak RM1.5 trilion. Jadi semua ini perlu diambil kira," katanya.

# Bantuan BUDI Agri-Komoditi, BUDI Diesel naik kepada RM400

Dana tambahan RM75 juta sebulan disalurkan 21 April, manfaatkan lebih 550,000 penerima

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan MADA-NI bersetuju menaikkan bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi dan BUDI Diesel Individu daripada RM300 kepada RM400 sebulan, yang mula disalurkan pada 21 April.

Kementerian Kewangan (MoF) memaklumkan bantuan tunai itu akan memanfaatkan kepada lebih 200,000 petani dan pekebun kecil penerima BUDI Agri-Komoditi.

"BUDI Agri-Komoditi dijangka memanfaatkan lebih 200,000 petani dan pekebun kecil dengan dana tambahan sekitar RM20 ju-

ta sebulan.

"BUDI Diesel Individu dijangka memanfaatkan sekitar 150,000 pemilik kenderaan diesel individu di Semenanjung, dengan dana tambahan sekitar RMI5 juta sebulan," menurut kementerian itu dalam kenyataan.


## Kadar IPKP juga dinaikkan

Dalam pada itu, kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) daripada RMI60 kepada RM300 sehektar membabitkan musim penanaman tahun ini.

Menurut MoF, kenaikan ini membabitkan tambahan dana sekitar RM40 juta dan dijangka memanfaatkan hampir 200,000 pe-sawah yang sebahagiannya bakal memulakan penanaman padi pada bulan ini.

"Sebagai bantuan tambahan, tahun lalu juga, Kerajaan MADA-NI memperkenalkan Insentif Penuaian sebanyak RM50 untuk sehektar semusim bagi meringan beban kenaikan kos input," kata kementerian itu.

Menerusi insentif berkenaan,



Kenaikan bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi mampu mengurangkan beban kewangan petani. (Foto biasan)

MoF dijangka menanggung subsidi sekitar RM7 bilion untuk April 2026, termasuk dana tambahan RM75 juta untuk ketiga-tiga ikhtiar bantuan diesel.

Pada masa sama, Kerajaan Persekutuan turut bersetuju memu-

dah cara pembelian diesel bagi kegunaan selain kenderaan.

MoF memaklumkan syarat keperluan permit khas bagi pembelian melebihi 20 liter akan di-longgarkan.

Sehubungan itu, pemilik mesin

atau jentera pertanian dibenarkan membeli diesel melebihi had itu dengan mengemukakan pendaftaran jentera.

"Kerajaan akan memperincikan garis panduan pelaksanaan pada tempoh terdekat," katanya.

TARIKH

15/4/2026

MEDIA

BERITA  
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA  
SURAT

3

# Cuaca panas jejas eksport Rm1 bilion durian ke China

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA  
johanna.pa@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Industri durian negara yang merekodkan nilai eksport kira-kira Rm1 bilion setahun ke China berdepan risiko terjejas dari segi pengeluaran dan kualiti buah berikutan cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga Jun.

Pensyarah Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man berkata, keadaan itu boleh menyebabkan jumlah eksport menurun serta menyebabkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar durian premium di pasaran antarabangsa.

Katanya, cuaca panas yang berpanjangan boleh menyebab-

kan bekalan durian untuk pasaran eksport menjadi terhad selain menjejaskan keupayaan buah tempatan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh negara pengimport.

"Cuaca panas berpotensi memberi kesan besar kepada eksport durian segar Malaysia ke China. China merupakan pasaran utama durian Malaysia dan mempunyai permintaan yang sangat tinggi terhadap buah ini. Namun begitu, pasaran tersebut turut menetapkan piawaian yang ketat dari segi kualiti, saiz dan rasa buah.

"Sekiranya cuaca panas menyebabkan pengeluaran menurun, bekalan durian untuk eksport akan menjadi terhad. Pada masa sama, penurunan kualiti buah seperti isi yang ke-

ring, kurang manis dan saiz yang kecil boleh menyebabkan durian Malaysia tidak memenuhi standard eksport.

"Hal ini boleh mengakibatkan pengurangan jumlah eksport atau penolakan produk oleh pengimport di China. Ia akan menjejaskan reputasi Malaysia sebagai pengeluar durian premium sekiranya kualiti buah tidak konsisten," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, media melaporkan, cuaca panas yang dijangka berterusan sehingga Jun dijangka mengurangkan kuantiti dan penurunan kualiti terutama daripada segi isi dan rasa buah durian. Situasi itu sekali gus menjejaskan industri buah durian terutama untuk eksport buah

durian segar ke China.

Mengulas lanjut, Norsida berkata, cuaca panas yang berterusan turut memberi kesan terhadap proses fisiologi pokok durian sehingga menjejaskan pengeluaran buah di kebun.

Katanya, keadaan suhu tinggi serta kekurangan hujan boleh mengganggu proses pembungaan dan pembentukan buah sekali gus menyebabkan hasil yang dapat dituai berkurangan.

"Apabila suhu meningkat dan hujan berkurangan, proses fisiologi pokok akan terganggu.

"Dari segi pengeluaran, cuaca panas boleh menyebabkan kegagalan dalam proses pembungaan. Bunga durian mungkin gugur sebelum sempat disenyawakan, manakala putik buah pula akan mengering dan

mudah gugur akibat tekanan haba serta kekurangan air.

"Sebagai contoh, ada kes di Pahang di mana pekebun mengalami penurunan hasil sehingga 30 hingga 50 peratus akibat cuaca ekstrem. Selain itu, musim pengeluaran juga menjadi tidak menentu, menyebabkan bekalan durian tidak konsisten," katanya.

Menurut beliau, pekebun perlu peka terhadap keadaan cuaca dan memastikan keperluan air pokok durian dipenuhi bagi mengekalkan kualiti buah yang dihasilkan.

"Sistem pengairan yang cekap boleh mengatasi masalah kekurangan air ketika musim panas yang ekstrem dan mampu memenuhi keperluan pokok di ladang mereka," katanya.

# Sijil halal meragukan

## AKPS rampas tujuh kontena ayam, itik sejuk beku bernilai lebih RM1 juta

Oleh Rawaida Md Zain  
am@hmetro.com.my

**Pelabuhan Klang**

**A**geni Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS) merampas tujuh kontena ayam dan itik sejuk beku bernilai lebih RM1 juta yang disyaki mempunyai sijil halal diragukan dan pemalsuan dokumen.

Komander AKPS Pelabuhan Klang, Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal, berkata rampasan itu dibuat pada 9 April lalu selepas pasukan pemeriksaan fizikal ke atas kontena yang membawa dagangan hasil haiwan di Tapak Pemeriksaan Kontena CT2, Pelabuhan Klang Utara.

“Hasil pemeriksaan mendapati, pihak AKPS mengesan enam kontena ayam sejuk beku dan satu kontena itik sejuk beku dengan berat sebanyak 187,800 kilogram dengan anggaran nilai RM1,062,048.

“Semakan dokumen juga mendapati terdapat cubaan pemalsuan dokumen yang diberikan selain peng-

mua dagangan itu disita bagi mencegah risiko ke-masukan penyakit haiwan serta memastikan aspek keselamatan makanan dan kepentingan kesihatan awam negara terus terpelihara.

“Kes akan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk disiasat mengikut undang-undang dan tindakan seterusnya.

“Semalam pun kita ada tahan satu kontena mengandungi babi sejuk beku dari Australia bernilai RM204,000 berat 25,000 kg permit MAQIS tiada dan kita siasat lanjut.

“AKPS Pelabuhan Klang menegaskan komitmen berterusan dalam membanteras kemasukan barangan larangan dan dagangan yang tidak mematuhi peraturan demi menjamin keselamatan, kesejahteraan serta kedaulatan negara,” katanya.



NIK Ezanee (tengah) menunjukkan rampasan ayam serta itik sejuk beku pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

gunaan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang meragukan, begitu juga sijil kesihatan disyaki kosong.

“Siasatan juga menda-

pati tujuh kontena bukan

datang dari negara China sebagaimana yang diisytiharkan dalam dokumen sebaliknya dari sebuah negara lain yang berham-

piran.

“Pemeriksaan juga diteliti dari sudut invois serta senarai bungkusan, kita mendapati maklumat ke-

tibaan kontena serta nom-

bor siri tidak sama,” katanya dalam sidang media di Pejabat Kastam Selangor, Pelabuhan Utara di sini semalam.

Nik Ezanee berkata, se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20